

Impian Muhammad Daniel sambung belajar tercapai

UM - 15/11/2021 m/s: 4

Oleh AMRAN MULUP

utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Hasrat Muhammad Daniel Hakimil, 18, untuk menyambung pengajian di Kolej Komuniti Bukit Beruang tercapai apabila dia mendapat surat tawaran ke kolej untuk kemasukan tahun hadapan.


Lebih bermakna, surat itu disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang berada di negeri ini sempena lawatan sehari.

Mohamad Daniel Hakimil adalah anak kepada kepada Pegawai Bomba Kanan (PBK) II, Allahyarham, Mohd. Diya Che Jusoh yang lemas dalam kejadian banjir di Sungai Putat, pada 21 Oktober lalu.

“Terima kasih Perdana Menteri atas keprihatinan terhadap kami sekeluarga,” demikian ujar ringkas, Noraida Che Noh, isteri kepada Allahyarham, Mohd. Diya.

Menurutnya, tiada ungkapan mampu diluahkan melainkan mengucapkan rasa syukur apabila Ismail Sabri sendiri menyampaikan surat tawaran melanjutkan pelajaran buat anak sulungnya, Muhammad Daniel.

“Sudah lama anak saya hendak melanjutkan pelajaran dan hari ini impiannya menjadi kenyataan,” ujarnya sewaktu ditemui di Dataran Baitul Tariq, Klebang Permai di sini selepas menerima surat itu daripada Perdana Menteri, semalam.



ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) menyerahkan surat tawaran melanjutkan pengajian di Kolej Komuniti Bukit Beruang kepada Muhammad Daniel Hakim Mohd. Diya, (tiga dari kiri) dalam program ramah mesra di Bilik Gerakan DUN Sungai Udang, Tangga Batu, Melaka, semalam. - UTUSAN/ RASUL AZLI SAMAD

Selain itu, tiga lagi anak Allahyarham, Nurul Ain Balqis, 16; Muhammad Danish Hakim, 12 dan Nurul Annisa Ilya, 9, mendapat pembiayaan pembelajaran daripada syarikat Ranhill Holding Berhad.

Sementara itu, Muhammad Daniel Hakimil melahirkan rasa terkejut apabila mendapat tahu Perdana Menteri menyampaikan surat tawaran untuk dia melanjutkan pelajaran di Kolej Komuniti Bukit Beruang dalam bidang automotif

tahun hadapan.

“Akhirnya impian dan hasrat arwah ayah saya menjadi kenyataan. Saya bangga dapat peluang melanjutkan pelajaran dan terharu apabila Perdana Menteri sampaikan surat ini kepada saya sekeluarga,” ujarnya.

Katanya, dia memang meminati bidang automotif sejak berusia enam tahun dan apabila menerima surat tawaran melanjutkan pelajaran ke Kolej Komuniti Bukit Beruang, impiannya kini menjadi kenyataan.

Dalam kejadian 21 Oktober lalu, Mohd. Diya anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Melaka Tengah tidak sedarkan diri selepas dibawa arus deras sewaktu operasi menyelamatkan penduduk yang dilanda banjir kilat di Kampung Sungai Putat.

Allahyarham disahkan meninggal ketika menerima rawatan di Zon Merah, Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka kira-kira pukul 3.11 pagi.